

Laporan media bantu pulihkan semangat warga UPSI

Kuala Lumpur, 9 Mac - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff menzahirkan penghargaan kepada pengamal media yang sentiasa bersama universiti itu termasuk ketika berdepan detik sukar, khususnya ketika insiden yang meragut nyawa 15 pelajar pada Jun tahun lalu.

Menurut beliau, dengan sokongan dan liputan media pada ketika itu telah banyak membantu memulihkan semangat warga universiti yang berdepan dengan kesedihan mendalam. "Pasukan media sentiasa bersama kami dalam susah dan senang serta membantu mengangkat kembali moral warga UPSI ketika berdepan saat yang amat mencabar.

"Kami di UPSI sangat terhutang budi kepada pihak media kerana merekalah yang menjadi penghubung kami dengan masyarakat sewaktu kejadian tersebut. "Anda (media) menyampaikan berita dengan begitu adil dan tepat hingga menyebabkan kami rasa kuat dan tidak bersendirian dalam berhadapan tragedi yang cukup mendukakan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Iftar Silaturahmi UPSI Bersama Media dan Rakan Strategik 2026 di Kuala Lumpur, petang semalam. Hadir sama ialah, Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

Md Amin berkata, UPSI turut menghargai sumbangan media yang membantu mempromosikan pelbagai inisiatif serta kejayaan universiti kepada masyarakat. "Bagi pihak UPSI, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan wartawan dan rakan industri kerana berkat doa, bantuan dan promosi daripada kalian, UPSI kini menjadi sebuah universiti yang ternama, tersohor dan terkemuka," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, hubungan erat antara universiti, media dan rakan industri terus menjadi pemangkin kepada kejayaan UPSI di peringkat global.

Menurutnya, UPSI kini berada pada kedudukan 101 terbaik dunia dalam bidang pendidikan, selain menduduki tangga ke-156 terbaik di Asia dalam QS *World University Rankings Asia 2026*.

UPSI juga berada pada kedudukan ke-98 dunia dalam penarafan UI Green Metric yang menilai komitmen institusi terhadap kelestarian alam sekitar dan pengurusan tenaga hijau.

Md Amin berkata, universiti itu akan terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk industri bagi memastikan peranan institusi pendidikan tinggi dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara dapat diperkasa.

Beliau turut menegaskan bahawa UPSI akan terus kekal dengan fungsi asasnya sebagai universiti untuk masyarakat dan industri, selaras dengan legasi penubuhannya yang bermula sejak era Sultan Idris Training College (SITC) pada 1922.

"UPSI tidak boleh berdiri sendiri. Universiti ini merupakan institusi masyarakat yang telah wujud lebih 100 tahun dan akan terus berperanan melahirkan generasi pendidik serta pemimpin masa depan negara," ujar beliau.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Presiden Wanita Pertama MIA dilantik Profesor Adjung FPE UPSI

Seberang Jaya, 12 Mac - Presiden wanita pertama Malaysian Institute of Accountants (MIA), Saniza Said, dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Surat pelantikan itu disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Mohd Asri Mohd Noor kepada Saniza dalam satu kunjungan hormat delegasi FPE UPSI ke firma audit Saniza & Co di Seberang Jaya. Menurut Mohd Asri, pelantikan Saniza sebagai Profesor Adjung mengambil kira kepakaran profesional, kepimpinan di peringkat nasional serta pengalaman luas beliau dalam industri perakaunan.

“Beliau yang juga Presiden MIA ke-16 mempunyai lebih 26 tahun pengalaman dalam bidang audit, percukaian, tadbir urus serta pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). “Saniza merupakan Akauntan Bertauliah

UPSI diiktiraf Majikan, Tujuh Bidang Terima Penarafan 6-Star Talentbank

Tanjong Malim, 11 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus membuktikan kecemerlangan dalam melahirkan graduan berkualiti apabila menerima pengiktirafan dalam *Talentbank Graduate Employability Index 2026*, berdasarkan kajian kebolehpasaran graduan kebangsaan yang dijalankan sepanjang tempoh setahun.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata kajian tersebut melibatkan lebih 1,200 majikan di seluruh negara merangkumi pelbagai sektor termasuk syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC), perusahaan kecil dan sederhana (SME) serta organisasi industri lain.

Menurut beliau, penilaian dibuat berdasarkan pengalaman sebenar majikan dalam proses pengambilan

MIA serta ahli *Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*, Persatuan Akauntan Cukai Malaysia (MATA), *Association of Malay Chartered Accountant Firms (AMCAF)* dan Persatuan Setiausaha Bumiputera Utara (SUTERA). “Selain itu, beliau turut diiktiraf sebagai *ASEAN Chartered Professional Accountant (ASEAN CPA)*.

Tambah Mohd Asri, pelantikan itu dijangka memperkukuh hubungan strategik antara FPE UPSI dan Saniza & Co, khususnya dalam menyokong aktiviti pengajaran, penyelidikan serta pembangunan akademik. “Pengalaman dan pengetahuan praktikal yang dimiliki Saniza berpotensi dimanfaatkan dalam pembangunan kurikulum, perkongsian kepakaran industri serta penyediaan peluang latihan industri kepada pelajar, sekali gus menyumbang kepada usaha melahirkan graduan yang lebih kompeten dan memenuhi keperluan pasaran kerja,” ujar beliau.

graduan, termasuk universiti yang menjadi pilihan majikan, jumlah graduan yang diambil bekerja mengikut bidang pengajian serta kecenderungan majikan untuk terus mengambil graduan daripada universiti yang sama berdasarkan prestasi mereka di tempat kerja. Berdasarkan dapatan kajian berkenaan, tujuh bidang pengajian di UPSI menerima penarafan Talentbank 6-Star Employer Choice, iaitu, Pengiklanan, Animasi, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Reka Bentuk dan Pembangunan Permainan (*Games Design & Development*), Pengurusan Sumber Manusia dan Psikologi

Prof. Md Amin menjelaskan bahawa penarafan 6-Star Employer Choice menandakan bidang pengajian tersebut berada dalam kelompok lima terbaik berdasarkan pilihan dan pengesahan majikan di Malaysia.



Pencerapan Fenomena Bulan Suku Terakhir Ramadan Meriahkan Program SANTUN JKPU @ FSM 2026

Tanjong Malim, 11 Mac - Aktiviti pencerapan fenomena Bulan suku terakhir Ramadan anjuran Unit Stargazers UPSI telah menjadi antara pengisian menarik dalam program SANTUN JKPU @ FSM 2026, sekali gus menarik minat warga Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menyaksikan fenomena langit secara langsung melalui teleskop.

Program yang berlangsung pada 11 Mac 2026 (Rabu), dari jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari di Bilik Mesyuarat Utama FSM, Blok 1, Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) itu menghimpunkan pensyarah, staf serta wakil pelajar dalam suasana santai bagi mengeratkan hubungan antara warga fakulti dan pengurusan universiti.

SANTUN JKPU 2026 merupakan program siri jelajah Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) UPSI yang bertujuan menyantuni warga fakulti dan pusat tanggungjawab (PTJ) secara langsung. Program ini menampilkan sesi dialog, perkongsian hala tuju universiti serta pendekatan turun padang bagi mendekati staf di peringkat akar umbi dalam usaha memperkukuh hubungan, meningkatkan produktiviti organisasi serta memupuk semangat

kebersamaan dalam kalangan warga universiti. Bagi memeriahkan program tersebut, Unit Stargazers UPSI telah menganjurkan aktiviti pencerapan Bulan yang diadakan di hadapan Bilik Mesyuarat Utama FSM bagi membolehkan peserta melihat fenomena Bulan secara langsung di ruang terbuka.

Teleskop digunakan dalam aktiviti ini bagi membolehkan peserta melihat Bulan dengan lebih jelas dan dekat. Melalui bantuan teleskop, peserta berpeluang memerhati dengan lebih terperinci ciri-ciri permukaan Bulan seperti kawah, dataran gelap (mare) serta garisan terminator yang memisahkan bahagian terang dan gelap Bulan. Bagi memastikan kelancaran aktiviti tersebut, ahli Unit Stargazers UPSI turut terlibat secara langsung dalam membantu peserta menggunakan teleskop serta memberi penerangan mengenai fenomena Bulan yang diperhatikan.

Antara ahli yang terlibat ialah Ts. Dr. Afiq Radzwan, Wan Zul Adli Wan Mokhtar dan Mohd Faisal Mohd Yassin, yang membimbing peserta untuk melihat dengan lebih jelas permukaan Bulan melalui teleskop serta berkongsi pengetahuan asas

mengenai fenomena astronomi tersebut.

Fenomena yang diperhatikan ialah Bulan fasa suku terakhir (*Last Quarter Moon*) yang lazimnya kelihatan tinggi di langit pada waktu awal pagi.

Fasa ini berlaku apabila Bulan berada kira-kira tiga perempat daripada kitaran orbitnya mengelilingi Bumi. Kemunculan Bulan pada waktu pagi ini juga bertepatan dengan tempoh sepuluh malam terakhir Ramadan, iaitu waktu yang amat dinantikan oleh umat Islam kerana dipercayai berlakunya malam Lailatul Qadar, malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Aktiviti pencerapan ini menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada warga fakulti. Ramai peserta meluahkan rasa teruja kerana berpeluang melihat sendiri permukaan Bulan dengan lebih jelas melalui teleskop, malah terdapat juga yang mengambil kesempatan merakam gambar Bulan menggunakan telefon pintar melalui teleskop sebagai kenangan pengalaman tersebut.

Menariknya, wakil Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) turut meluahkan rasa teruja apabila berpeluang melihat permukaan Bulan melalui teleskop buat pertama kali.



Sesi perkongsian bertajuk “The Future of Higher Education Landscape”



Kunjungan hormat pusat alumni UPSI eratkan kerjasama bersama JPN Sarawak



Sesi Santun JKPU bersama PEKA ke kediaman mantan Pengarah PKM



Majlis Penyerahan Zakat Korporat BSN